

BIASISWA UNISHAMS(BU)

PROGRAM PENAJAAN BIASISWA UNISHAMS

Biasiswa UniSHAMS merupakan pembiayaan pendidikan yang ditawarkan kepada pelajar yang melanjutkan pengajian di peringkat pengajian Asasi dan memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh UniSHAMS.

Biasiswa UniSHAMS membiaya **yuran pendaftaran, yuran pengajian, dan yuran pentadbiran dalam tempoh 3 semester (1 tahun) sahaja** manakala **yuran Asrama, Alumni dan konvokesyen ditanggung oleh pelajar.**

TEMPOH PERMOHONAN

- Makluman berkaitan tempoh permohonan akan dimaklumkan melalui taklimat Penajaan bersama pelajar baharu bagi setiap sesi kemasukan pelajar.

SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

- i. Terbuka kepada semua Warganegara Malaysia.
- ii. Telah mendaftar sebagai pelajar UniSHAMS.
- iii. Pelajar Asasi Semester 1.
- iv. Pemohon perlu mengisi Dokumen Perjanjian Biasiswa UniSHAMS (selepas ini dirujuk kepada "Dokumen Perjanjian tersebut") dan menyediakan dokumen sokongan yang diperlukan dengan **LENGKAP** serta serahkan kepada Unit Penajaan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Unit Penajaan.

SENARAI PROGRAM DITAWARKAN PINJAMAN

- a) Asasi Sains
- b) Asasi Pengurusan
- c) Asasi Pengajian Islam

KADAR/JUMLAH PINJAMAN YANG DITAWARKAN

- Rujuk Lampiran – JUMLAH BIASISWA UNISHAMS YANG DITAWARKAN

JADUAL PEMBIAYAAN BIASISWA UniSHAMS

- Rujuk Lampiran - JADUAL PEMBIAYAAN BIASISWA UniSHAMS

KAEDAH PERMOHONAN

- Makluman berkaitan kaedah permohonan dan penghantaran dokumen akan dimaklumkan melalui taklimat Penajaan bersama pelajar baharu bagi setiap sesi kemasukan pelajar.

(Sumber Rujukan : GARIS PANDUAN PERMOHONAN BIASISWA UNISHAMS)